

# Sifat cekal, sabar perlu pastikan kejayaan bioteknologi – Abdullah

UM-7/12/2006

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua pihak yang terlibat dalam industri bioteknologi perlu cekal dan sabar di samping melengkapkan diri dengan pengetahuan jika mereka mahu menempa kejayaan dalam industri tersebut.

Perdana Menteri berkata, dalam menempeka industri yang dipenuhi pelbagai rintangan dan cabaran itu, mereka perlu memupuk sifat-sifat berkenaan dan mengamalkannya bagi memastikan mereka mencapai kemajuan dan sekali gus mengangkat industri bioteknologi negara ke persada antarabangsa.

Sehubungan itu, katanya, penganjuran persidangan dan pameran Bio Malaysia 2006 yang bermula hari ini membuktikan bahawa hala tuju negara ke arah mencapai sasaran kejayaan dalam bidang itu sudah semakin hampir.

"Potensi Malaysia dalam bidang bioteknologi masih lagi di bawah skrin radar antarabangsa, tetapi melihat kepada jumlah dan kualiti penyertaan pada Bio Malaysia 2006, saya yakin kedudukan itu akan

berubah tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan Bio Malaysia 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, hari ini.

Pameran itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysian Biotechnology Corporation (Biotech Corp.) dan Pertubuhan Bioindustri Malaysia.

Pameran tiga hari itu merupakan tempat bagi mewujudkan jaringan, rangkaian pemasaran dan perkongsian maklumat terbesar untuk industri bioteknologi negara.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis, Pengerusi Biotech Corp., Tan Sri Zaharuddin Idrus dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Malaysia komited bagi membangunkan industri bioteknologi dan akan memberi tumpuan kepada bidang yang mempunyai kelebihan daya saing.

"Bagi membangunkan momentum yang

ada sekarang, kami akan memberi tumpuan kepada bioteknologi yang berasaskan sumber asli, terutama minyak sawit dan perubatan integratif berasaskan pengetahuan biodiversiti tempatan serta tradisional," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan akan terus menyediakan pembangunan infrastruktur yang diperlukan bagi mewujudkan persekitaran kondusif bagi pembangunan industri tersebut.

## Kompetitif

"Semua pihak, khususnya jentera kerajaan perlu bekerja lebih keras dan deras untuk memastikan usaha kita dalam bidang yang amat kompetitif ini mencapai kejayaan," tegasnya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri telah memberikan Status Bionexus kepada tujuh syarikat bioteknologi.

Status itu membolehkan mereka menerima insentif cukai khas, geran dan sokongan lain di bawah sembilan jaminan.

Syarikat itu adalah Malaysian Bio-Diag-

nostic Research Sdn. Bhd. yang membangunkan kit diagnostik perubatan, K.L. Biotech Manufacturing Sdn. Bhd., pembangun suplemen dan farmaseutikal daripada herba tempatan dan Vivantis Technologies Sdn. Bhd., pengeluar enzim dan produk biologiikal berkaitan.

Syarikat lain ialah Nova Laboratories Sdn. Bhd. yang terlibat dalam pembangunan farmaseutikal berasaskan tanaman, I.P.T. Kosmo Sdn. Bhd., pengeluar aplikasi teknologi terkini bagi rawatan air, Asiatic Centre for Genome Technology Sdn. Bhd., pembangun penanda bio dan Innobiologics Sdn. Bhd., pengeluar kontrak biofarmaseutikal.

Menurut Perdana Menteri, sebanyak 100 permohonan yang mempunyai prospek tinggi sedang dinilai bagi menerima status itu.

Abdullah turut menyampaikan Geran Dana Sains kementerian kepada 39 penerima terdiri daripada institusi, pengajian tinggi awam dan swasta, agensi sains, teknologi dan inovasi serta makmal penyelidikan syarikat milik kerajaan.

Program lima tahun itu melibatkan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion.